

# Kutipan RM100,000 disalur ke yayasan buah pinggang

[FOTO MOHD YUSNI ARIFFIN/BH]



**Tengku Zatahah (tiga dari kanan)** menyertai ScamBuster Run di Laman Standard Chartered Kuala Lumpur, semalam.

**Kuala Lumpur:** Larian amal ceria ScamBuster Run InvestSmart Fest 2017, berjaya mengutip RM100,000 yang akan disalurkan kepada Yayasan Buah Pinggang Kebangsaan Malaysia (NKF).

Acara diadakan di Laman Standard Chartered KL disertai lebih 3,000 peserta termasuk tetamu kehormat, Tengku Datin Paduka Setia Zatahah Sultan Sharafuddin Idris Shah.

Larian ceria ScamBuster Run membabitkan jarak sejauh lima kilometer bermula jam 7 pagi di Jalan P Ramlee, di sini.

Tengku Zatahah berkata, penyertaannya sebagai tanda sokongan terhadap usaha celik pelaburan, sekali gus menangani penipuan kewangan yang dilihat semakin berleluasa.

“Selaku ahli lembaga pengarah dalam syarikat senaraian awam, saya berpegang teguh kepada pelaburan beretika dan berintegriti.

## Waspada aktiviti penipuan

“Selain menggalakkan masyarakat beriadah, larian ini dapat memupuk kesedaran supaya lebih berhati-hati dengan aktiviti penipuan sebegini,” katanya selepas menyertai larian itu, semalam.

Yang turut hadir, Pengerusi Suruhanjaya Sekuriti Malaysia (SC), Tan Sri Ranjit Ajit Singh; Timbalan Ketua Eksekutifnya, Datuk Ahmad Fairuz Zainol Abidin dan Ahli Lembaganya, Tan Sri Mohamed Jawhar Hassan serta Ketua Pegawai Eksekutif NKF, Chua Hong Wee.

Selain menyempurnakan trek larian, turut diadakan senamrobik

dan cabutan bertuah pelbagai barang antaranya basikal, tiket wayang dan fon telinga.

ScamBuster Run akan dijadikan acara tahunan dengan Tengku Zatahah dilantik sebagai dutanya.

Tengku Zatahah menyifatkan aktiviti itu sebagai landasan terbaik melakukan kerja amal seperti mengutip dana untuk pesakit buah pinggang yang memerlukan rawatan secara komprehensif.

Sementara itu, Ranjit berkata, pengguna perlu celik kewangan dan pelaburan sebagai perisai melindungi diri dan bersedia berhadapan situasi tidak dijangka.

“Pengguna juga perlu memutuskan produk kewangan yang hendak dibeli dan bersedia menghadapi risiko tertentu daripada pemilihan itu,” katanya.